

# **IMEJ ANGGOTA BADAN DALAM PERIBAHASA MELAYU SARAWAK: SATU ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF**

*IMAGERY OF BODY PARTS IN SARAWAKIAN MALAY PROVERBS: AN INQUISITIVE  
SEMANTIQUE ANALYSIS*

**Mohamad Shazani DEWEK\*<sup>1</sup>**

**Roslan ALI<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),  
Sarawak, Malaysia.

<sup>1</sup>shazanimohamad@gmail.com

<sup>2</sup>aroslan@unimas.my

Corresponding author\*

*Received: 4<sup>th</sup> March 2024*

*Accepted: 14<sup>th</sup> October 2024*

## **ABSTRAK**

Semantik inkuisitif merupakan satu bidang kajian yang mampu menganalisis dan menghuraikan makna sebenar ujaran. Imej anggota badan dalam peribahasa menunjukkan kelakuan dan asosiasi kepada kehidupan dan budaya masyarakat Melayu Sarawak yang dapat dilihat melalui makna harfiah peribahasa tersebut. Terdapat banyak kajian semantik inkuisitif mengenai peribahasa dan kiasan-kiasan Melayu, tetapi masih kurang kajian yang meneliti ketersiratan makna bagi imej anggota badan khususnya dalam peribahasa Melayu Sarawak. Imej anggota badan membawa makna seperti perlakuan dan hal-hal kehidupan dalam masyarakat Melayu Sarawak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji imej perlambangan anggota badan dalam peribahasa Melayu Sarawak dengan meneroka makna melalui pendekatan Semantik Inkuisitif. Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif dengan menggunakan data korpus kosa kata dan peribahasa Melayu Sarawak yang ditulis Wan Junaidi Tuanku Jaafar (2017) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan temu bual sebagai instrumen kajian. Data seterusnya dianalisis mengikut tiga tahap penganalisan data, iaitu tahap semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif bagi mencungkil akal budi. Pengkaji mendapati terdapat 29 peribahasa Melayu Sarawak yang menggunakan imej anggota badan. Peribahasa ini dikelaskan mengikut imej tangan, kaki, "ati" atau hati, mulut, kepala, mata, "burit", otak, ubun-ubun, telinga, hidung dan rambut. Kajian ini akan memberi kefahaman mengenai makna sebenar penggunaan peribahasa Melayu Sarawak sebagai pedoman untuk semua dan memberi kajian ini penting untuk memperluas kajian tradisi lisan dari sudut linguistik.

**Kata kunci:** semantik inkuisitif; imej anggota badan; akal budi; peribahasa; Melayu Sarawak

## ABSTRACT

Inquisitive semantics is a field of study that can analyse and describe the true meaning of utterances. The image of body parts in the proverb shows the behaviour and association with the life and culture of the Sarawak Malay community, which can be seen through the literal meaning of the proverb. There are many inquisitive semantic studies on Malay proverbs and allusions. However, there is limited research examining the implication of the meaning of body image, especially in Sarawak Malay proverbs. The image of body parts carries meanings such as behaviour and life matter in the life of the Sarawak Malay community. Therefore, this study was conducted to comment on and study the symbolic image of body parts in Sarawak Malay proverbs by exploring the meaning through an Inquisitive Semantic approach. This descriptive qualitative study uses Sarawak Malay Vocabulary and Proverbs corpus data and interviews as research instruments. The data is then analysed according to three levels of data analysis, namely the level of script semantics, resonance semantics and inquisitive semantics. 29 Sarawak Malay proverbs use images of body parts. This study will provide an understanding of the meaning of using Sarawak Malay proverbs as a guide.

**Keywords:** inquisitive semantics; body image; common sense; proverbs; Malay Sarawak

## Pengenalan

Masyarakat Melayu sering menggunakan kepakaran berbahasa mereka dalam kehidupan seharian misalnya penggunaan peribahasa. Penggunaan peribahasa dalam kehidupan masyarakat Melayu sememangnya tidak asing lagi kerana peribahasa merupakan satu daripada keunikan berbahasa. Menurut Hamzah et al, (2011), peribahasa Melayu, mengetengahkan pemikiran Melayu yang melibatkan epistemologi, etika, pemikiran logik manusia dan keindahan (estetika). Perkara ini menunjukkan bahawa, peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran penuturnya. Hal ini disokong pula oleh Wilkinson (1907), yang menyatakan perwatakan dan sifat-sifat orang Melayu dapat diketahui daripada peribahasanya. Perwatakan ini adalah fenomena sebenar kehidupan masyarakat yang menyerlahkan lagi pemikiran bangsa Melayu tentang alam kehidupan yang mereka tempuhi (Hamilton, 1947). Tidak terkecuali juga dengan masyarakat Melayu Sarawak yang Menurut Hamzah et al, (2011), peribahasa Melayu, mengetengahkan pemikiran Melayu yang melibatkan epistemologi, etika, pemikiran logik manusia dan keindahan (estetika). Perkara ini menunjukkan bahawa, peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran penuturnya. Hal ini disokong pula oleh Wilkinson (1907), yang menyatakan perwatakan dan sifat-sifat orang Melayu dapat diketahui daripada peribahasanya. Perwatakan ini adalah fenomena sebenar kehidupan masyarakat yang menyerlahkan lagi pemikiran bangsa Melayu tentang alam kehidupan yang mereka tempuhi (Hamilton, 1947). Tidak terkecuali juga dengan masyarakat Melayu Sarawak yang mempunyai peribahasanya yang tersendiri. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana terpancar hubungan antara bahasa dengan pemikiran sesuatu bangsa seperti yang dipersetujui dalam pernyataan hipotesis Sapir-Whorf (1921), iaitu bahasa menentukan pemikiran penuturnya.

Imej yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan gambaran anggota badan yang disamakan dengan perbuatan ataupun gambaran tingkah laku manusia. Setiap imej ini mempunyai makna tersendiri dan digunakan dalam peribahasa. Imej anggota badan ini menggambarkan keseluruhan perbuatan, tingkah laku dan sindiran dalam setiap ujaran peribahasa Melayu Sarawak. Imej anggota badan ini digandingkan dengan kata lain bagi menguatkan makna peribahasa seperti imej kaki yang membawa makna perbuatan yang kerap atau kuat dilakukan disebabkan kaki merupakan anggota badan yang sangat aktif.

Secara lazimnya, anggota badan yang dimaksudkan ialah imej tangan, kaki, “ati” atau hati, mulut, kepala, mata, “burit”, otak, ubun-ubun, telinga, hidung dan rambut. Merujuk kepada bidang anatomi pula seperti dalam kajian Wibowo (2008), anggota badan bukan sahaja melibatkan bentuk fizikal yang dapat ditanggapi daripada mata kasar. Merujuk beliau juga, sendi, otot dan tulang merupakan anggota badan yang sering kali menjadi tumpuan khususnya dalam bidang anatomi tubuh badan manusia. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu memanfaatkan anggota badan mereka sebagai medium dan alat bantuan mereka bagi menjalankan aktiviti seharian mereka seperti tangan, digunakan untuk bercucuk tangan atau memasak. Anggota badan yang mempunyai fungsi tersendiri ini digunakan oleh masyarakat Melayu dan digandingkan dengan kata lain lalu membentuk peribahasa. Misalnya, kecergasan badan seperti kekuatan kaki dan kecekapan tangan sangatlah penting dalam kehidupan masyarakat Melayu dahulu kerana masyarakat Melayu memanfaatkan fizikal badan mereka untuk bercucuk tanam dan sebagainya.

Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti peribahasa Melayu Sarawak yang menggunakan imej perlambangan anggota badan seperti mata, kaki, tangan dan anggota lain yang mempunyai fungsinya tersendiri lalu digandingkan dengan kata lain membentuk peribahasa. Kajian ini juga akan memberi fokus kepada falsafah dan makna peribahasa Melayu Sarawak yang mempunyai keseratan makna termasuk nilai akal dan budinya. Menurut Muhamad Zaid Daud (2020), akal budi Melayu dapat dicerminkan melalui penelitian kajian kesusasteraan tradisional Melayu. Oleh itu,

menurut Ahmad (2001), peribahasa Melayu ini merupakan sastera kitab kerana peribahasa merupakan salah satu daripada ilmu kesusasteraan tradisional Melayu. Bagi merungkaikan makna sebenar peribahasa Melayu Sarawak ini, pendekatan semantik inkuisitif oleh Nur Hashimah Jalaluddin (2014a) digunakan bagi mencapai makna sehingga mencapai akal budi penutur. Hal ini disebabkan, penggunaan peribahasa dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak adalah sebagai pedoman dan pengajaran dan peribahasa ini tercipta kerana manfaat akal budi masyarakat lalu diujarkan ke dalam komunikasi.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan mengulas dan mengkaji imej perlambangan anggota badan dalam peribahasa Melayu Sarawak dengan menggunakan pendekatan SI. Objektif kajian ini adalah untuk mengkategorikan peribahasa Melayu Sarawak yang melibatkan perlambangan anggota badan dan menganalisis makna peribahasa ini sehingga menemui akal budi penutur. Kajian ini berpandukan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nur Hashimah Jalaluddin (2014) dan juga dibantu oleh analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) yang dipelopori oleh Kempson (1986).

### **Sorotan Literatur**

Pada bahagian ini, pengkaji telah melakukan kajian daripada sarjana lepas yang melibatkan pengkajian SI dari pelbagai sudut dan perspektif. Sebelum ini, data peribahasa telah menjadi data yang menjadi tarikan untuk dikaji dalam bidang semantik inkuisitif. Semantik inkuisitif di Malaysia sememangnya dipelopori oleh Jalaluddin melalui penerbitan bukunya iaitu *Semantik dan Akal Budi Melayu* dan juga hasil penulisan agung beliau iaitu *kerja Pemugaran Penyelidikan untuk Pemerksaan bahasa pada 2014*. Hasil penulisan beliau ini menjadi pusat utama rujukan bagi pengkaji-pengkaji terkini dalam usaha mendalami pendekatan SI untuk kajian-kajian mereka. Bertitik tolak dari situ, bidang semantik inkuisitif di Malaysia semakin mendapat perhatian dan semakin berkembang khususnya dalam mengasosiasikan pendekatan SI ini dengan konteks peribahasa.

Unsur flora dan fauna turut diberikan perhatian dalam kajian semantik inkuisitif ini. Kajian yang telah dijalankan oleh Daud (2018) bertujuan untuk memperlihatkan sebab-sebab pemilihan kata ayam dan musang dalam peribahasa Melayu melalui pendekatan SI. Kajian Daud dan Subet (2019) menyentuh imej angsa dan itik dengan mengupas makna peribahasa sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik. Penggunaan dua imej unggas ini menyerlahkan lagi analogi pertentangan fizikal untuk pemaknaan secara harfiah kerana perbezaan sikap fizikal dan rupa haiwan ini. Pengkaji menjelaskan angsa dan itik melalui pemberian makanan yang berbeza. Angsa mengambil pemakanan seperti rumput, batang pisang dan daun pisang ubi dan tidak mempunyai makanan yang khusus untuk pembesaran. Hal ini amat berbeza dengan itik dan oleh yang demikian perbandingan angsa dan itik dalam peribahasa tersebut telah menjelaskan sebab pemilihan kata yang mampu menjelaskan dua golongan iaitu golongan yang kaya dan golongan miskin.

Daud dan Subet (2019) pula menjalankan satu kajian analisis semantik yang memanfaatkan Imej tumbuhan dalam slanga dengan memilih pendekatan analisis SI. Tujuan kajian ini dijalankan untuk menganalisis peribahasa dalam rakaman perbualan yang melibatkan imej tumbuhan. Kajian yang dijalankan mendapati empat slanga yang berasosiasi dengan tumbuhtumbuhan dan buah-buahan. Perkara ini terdiri daripada kata getah, tebu, jambu dan langsung. Berdasarkan kajian, makna mudah bagi patoh getah adalah mati pucuk, makna bagi kunyah tebu pula adalah makan tidak berasa kenyang, mat jambu membawa makna individu lelaki berperwatakan menarik dan juga langsung yang bermaksud singgah di merata-rata tempat.

Imej Unggas telah dipilih oleh kajian Daud (2020) dalam mengkaji peribahasa Melayu. Kajian ini bertujuan untuk meneliti peribahasa Melayu yang mempunyai sumber unggas dan fauna. Kajian ini juga turut mendalami falsafah dan makna peribahasa Melayu dengan nilai akal dan budi penutur. mendapati lapan domain peribahasa Melayu yang menggunakan perlambangan unggas seperti rezeki, jodoh, kebiasaan, kekuasaan, khianat, berhati-hati, sia-sia dan ironi atau sindiran. Antara peribahasa yang dianalisis adalah ‘seperti merak mengigal di hutan. Burung merak digunakan oleh masyarakat Melayu dalam peribahasa kerana masyarakat dahulu mengetahui akan kecantikan Burung Merak. Oleh itu, kecantikan burung merak ini memberi manfaat khususnya dari segi kraf tangan. Pengkaji menjelaskan bahawa, hutan merupakan tempat yang penuh dengan hasil dan sumber bumi. Oleh itu, perkaitan burung merak diasosikan dengan hutan kerana masyarakat Melayu dahulu kala merupakan masyarakat yang memanfaatkan hasil hutan dan sebagai tempat yang mempunyai pelbagai kebaikan jika diterokai dan dimanfaatkan.

Kajian sebegini turut dapat dilihat juga melalui kajian Murthy et al, (2019), iaitu kajian peribahasa yang memilih perlambangan unsur tumbuhan dan kesan penggunaan imej tumbuhan dalam peribahasa. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan unsur implisit dari segi makna dalam peribahasa. Kesinambungan penggunaan imej fauna tidak terhenti begitu Sahaja. Daud et al, (2021) telah menjalankan kajian yang memilih sisi negatif Burung Gagak yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Kajian ini dijalankan bertujuan merungkaikan sebab penggunaan imej gagak dalam peribahasa Melayu.

Kajian ini memanfaatkan pengkaji luar seperti Kinanti et al, (2019) yang telah menjalankan kajian berkenaan peribahasa yang menyentuh tumbuhan dari aspek metafora dalam peribahasa Indonesia. Kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti penggunaan penamaan tumbuhan khususnya dalam peribahasa Indonesia dan menginterpretasikan metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia.

Bukan itu sahaja, kajian Fauzi et al, (2020) yakni merupakan kajian terhadap bahasa luar Malaysia turut mengkaji peribahasa dan memfokuskan kepada penggunaan bahagian anggota badan dalam peribahasa sunda dan perbandingannya dengan peribahasa Indonesia.

Selain itu, terdapat pendekatan selain daripada unsur flora dan fauna. Ho et al, (2019) yang mengkaji Lagu “Mati hidup semula” yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif bagi menghuraikan penggunaan bahasa kiasan. Kajian ini menghuraikan makna dan akal budi penulis lagu melalui penggunaan dan unsur bahasa kiasan dalam penciptaan lirik lagu “Mati Hidup Semula”. Kajian Mansor dan Jalaluddin (2014a, 2014b) menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam usaha meneliti imej perlambangan *mambu*, *peria*, *hempedu* serta *timun dendang* (mewakili rasa pahit), *madu*, *gula* dan *tebu* (merujuk kepada rasa manis), *asam* (merujuk kepada rasa masam) serta *garam* (mewakili rasa masin).

Fokus kajian ini tertumpu kepada imej anggota badan dalam peribahasa Melayu Sarawak. Terdapat kajian yang menyentuh imej anggota badan melalui pendekatan semantik inkuisitif seperti Jonteng, et al. (2021) tetapi kajian yang dilakukan tidak menyeluruh menyentuh imej anggota badan. Oleh itu, kajian ini menyentuh imej anggota badan dengan menggunakan data peribahasa Melayu Sarawak.


## Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menganalisis dokumen, iaitu melibatkan data peribahasa Melayu Sarawak. Kajian ini menggunakan data korpus yang dimanfaatkan daripada buku terbitan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (2017) yang bertajuk Kosa kata dan Peribahasa Melayu Sarawak dan pengkaji hanya memberi fokus kepada data peribahasa yang menepati objektif kajian. Oleh itu, pengkaji memilih peribahasa yang menggunakan imej anggota badan yang terdapat dalam buku tersebut dan seterusnya melakukan temu bual mendalam dengan penutur jati Melayu Sarawak. Pengkaji akan memilih 12 peribahasa daripada buku dan hasil temu bual tersebut dan data yang dipilih hendaklah mewakili anggota badan yang terdiri daripada mata, kaki, tangan dan anggota lain. Pengkaji menemu bual empat orang responden yang merupakan penutur jati Melayu Sarawak dan penduduk tetap di kawasan Sadong Jaya. Walaupun begitu, ciri-ciri yang baik juga adalah hendaklah penutur natif sesebuah bahasa tersebut. Bagi pemilihan ini, pengkaji memanfaatkan dengan menggunakan pemilihan secara NORF yang merujuk kepada *non-mobile, old, remote dan female*. Tetapi, pemilihan secara NORM yang merujuk kepada *non-mobile, old, rural dan male* juga diambil kira. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih seramai empat orang responden yang terdiri daripada lelaki dan perempuan serta merupakan penduduk tetap Sadong Jaya. Oleh itu, rakaman yang telah diperolehi akan digunakan dan didengari semula oleh pengkaji bagi proses pengumpulan dan penganalisisan data tersebut. Sebagai bukti dan kesahihan temu bual, transkripsi yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu Standard dikepilkkan sebagai lampiran.

Sebagai batasan kajian, pengkaji hanya menggunakan peribahasa Melayu Sarawak yang berimejkan anggota badan sebagai data kajian. Oleh itu, saiz sampel yang kecil yakni antara satu hingga tujuh data kajian sudah memadai bagi kajian kualitatif ini. Setelah data diperolehi, prosedur menganalisis data diteruskan dengan memanfaatkan data korpus. Data korpus yang dicari turut dimanfaatkan melalui temu bual mendalam dengan responden kajian. Dalam menganalisis data, kajian ini berpandukan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014) seperti berikut:

### Rajah 1

Rumusan pendekatan semantik inkuisitif oleh Jalaluddin (2014)



### Analisis Data dan Perbincangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan tiga peribahasa Melayu Sarawak yang berimejkan anggota badan dengan pendekatan semantik inkuisitif. Terdapat tiga peringkat analisis iaitu semantik skrip, semantik resonans dan semantik inkuisitif.

#### Peribahasa *lubang perut*

<i>Lubang perut</i>	Busuknya hati seseorang
---------------------	-------------------------

#### Analisis tahap 1: Semantik skrip


Menurut pemahaman masyarakat Melayu Sarawak, *lubang perut* bermaksud buruknya hati seseorang. *Lubang perut* kebiasaannya diujarkan untuk menghina dan memberi pengajaran ataupun kesedaran kepada seseorang tentang perbuatan yang dilakukannya. Ungkapan ini turut dituturkan dalam situasi yang tegang dalam kehidupan sosial.

#### Analisis tahap 2: Semantik resonans

Pada peringkat ini, makna yang dicungkil merupakan penambahbaikan penerokaan makna pada peringkat sebelumnya. Peringkat ini memilih pendekatan dengan menonjolkan maksud tersirat secara pendefinisian, pengelasan dan penjenisan leksikal bagi menyokong makna harfiah. Tetapi perkara ini tidak begitu jelas menunjukkan sebab pemilihan leksikal ini dalam peribahasa. Tetapi, dengan adanya bantuan RRS, penerokaan makna dari segi konteks ujaran dapat ditonjolkan. Oleh itu, proses kognitif dapat dilihat dan disimpulkan melalui rajah berikut:

#### Rajah 2

*Proses kognitif bagi peribahasa "lubang perut"*



Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), lubang bermaksud bahagian yang boleh ditembusi sesuatu. Lubang kebiasaannya terjadi apabila digali seperti menggali lubang pada tanah menggunakan cangkul. Manakala, perut merupakan bahagian depan badan manusia yang buncit (di bawah dada), dan terkandung isi perut seperti usus, hempedu dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005). Apabila kedua imej ini digabungkan, makna tersirat yang terhasil ialah buruknya hati seseorang. Peringkat ini masih berada pada makna tahap permukaan dan belum mencapai tahap konkrit. Oleh itu, bantuan RRS dan teori relevans

## Analisis RRS

Seterusnya pendekatan RRS dalam Jalaluddin (2014) digunakan bagi membuktikan konteks penggunaan peribahasa ini dalam situasi sebenar.

\*\*\*Lubang perut ko gik\*\*\*! Dah ninggai anak bini, emas  
diambik. Tuk sesen pun duit sik diberik.

Merujuk kepada ayat di atas, antiseden pertama ialah *dah ninggai anak bini*, emas diambik merujuk kepada perbuatan yang menjelaskan sebab individu menggunakan peribahasa "lubang perut" ini. Antiseden kedua ialah "sesen pun duit sik diberik" membantu menjelaskan lagi penggunaan peribahasa ini. Walaupun pengaplikasian RRS ini sudah cukup memadai bagi menjelaskan makna peribahasa, tetapi sebab pemilihan leksikal ini masih belum tercapai.

Jika dilihat dengan teliti, antiseden *ninggai anak bini* dan *sesen pun duit sik diberik* merupakan refleksi atau keadaan ketegangan situasi yang dimaksudkan dalam penggunaan peribahasa ini. Perbuatan meninggalkan keluarga menyebabkan pembaca mengetahui tujuan penggunaan ungkapan ini adalah sesuatu yang tidak baik dan boleh digunakan untuk memberi pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana, peringkat RRS ini merupakan peringkat pemahaman penutur-pendengar dan untuk memahami dengan lebih lanjut, peringkat analisis teori relevans dilakukan untuk menjelaskan keupayaan kognitif.

## Analisis Relevans

Berdasarkan konteks atau andaian yang dibuat melalui maklumat antiseden analisis RRS tersebut, perbuatan *ninggai anak bini* melalui antiseden pertama dan *sesen pun duit sik diberik* meninggalkan maklumat kognitif untuk mentafsir makna *lubang perut* ini. Dalam analisis relevans, kesan kognitif yang semakin tinggi terhasil dan usaha memproses adalah rendah. Hal ini menunjukkan maklumat dalam konteks penggunaan lubang perut ini merupakan konteks yang sedikit tetapi kesan kognitif yang terhasil adalah tinggi. Usaha memproses ini melibatkan pembaca merujuk kamus untuk mendapatkan makna setiap kata seperti Kamus Bahasa Melayu Sarawak untuk mendapatkan makna. Dalam hal ini, kandungan maklumat yang menggambarkan keadaan penggunaan peribahasa ini dan situasi ini menunjukkan kesan konteks yang kurang berdasarkan pembacaan pembaca. Perkara ini sejajar dengan keperluan dalam analisis relevans, iaitu untuk mendapatkan kesan kognitif yang tinggi, usaha memprosesnya haruslah rendah. Kesan kognitif yang tinggi ini menunjukkan interpretasi sebenar ujaran sama ada lisan mahupun lisan diperoleh (Subet, 2010). Pembaca memahami maksud peribahasa



tersebut berdasarkan konteks yang diberikan dan pembaca memahami peribahasa ini bermaksud menghina dan ditujukan kepada seseorang atas tujuan memberi pengajaran. Disebabkan usaha memroses bagi peribahasa ini agak tinggi, peringkat analisis semantik inkuisitif membantu menjelaskan makna dengan lebih mendalam.

### **Analisis tahap 3: Semantik Inkuisitif**

Pada peringkat ini, penerokaan makna peribahasa menjawab persoalan mengenai kenapa dan mengapa imej "lubang" dan "perut" digunakan. Peringkat ini juga menjelaskan maksud tersirat peribahasa ini sehingga menyentuh akal budi penutur (Daud 2020). Oleh itu, mengapakah peribahasa ini menggunakan imej lubang? Kenapa tidak menggunakan "bubus perut" (bocor perut) atau busuk perut? Menurut Kasdan et al., (2016), masyarakat Melayu dahulu kala memanfaatkan kepintaran mereka dengan berbahasa. Dalam hal ini, imej lubang yang dikaitkan dalam peribahasa ini sememangnya mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak dan ditonjolkan melalui kepetahan berbahasa mereka. Dahulu kala, negeri Sarawak merupakan salah satu negeri yang kaya dengan tanah subur. Oleh itu, mereka memanfaatkan tanah subur ini dengan bercucuk tanam sama ada demi kepentingan sara diri ataupun hasil pendapatan. Misalnya, mereka menanam sayur-sayuran dan buah-buahan. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi kerana masyarakat dahulu menanam pokok pisang di tepi rumah mereka. Berdasarkan penulisan sastera Hikayat Panglima Nikosa yang merupakan salah satu cerpen berdasarkan latar masyarakat negeri Sarawak, penulisan cerpen menceritakan bahawa masyarakat menanam pokok pisang kerana pokok ini boleh dimanfaatkan dari batang, jantung, buah dan juga daunnya (Walker, 2005). Namun begitu, sebelum menanam sebuah tanaman ataupun pokok, lubang hendaklah dibuat. Misalnya, bagi penanaman padi, pekebun akan membuat lubang dengan menggunakan kayu ataupun peralatan khusus (Apriyanto et al., 2021). Merujuk kepada proses penanaman ini, membuat lubang merupakan langkah pertama kepada penanaman pohon atau tanaman. Jika dilihat melalui sudut perspektif cara hidup masyarakat Melayu Sarawak, lubang berkait rapat dengan liang lahad ataupun kubur. Menurut Baharudin et al., (2015), masyarakat Melayu Islam menggali tanah dengan ukuran yang telah ditetapkan dan menanam mayat ke dalamnya mengikut ritual dan pegangan agama Islam. Konsep lubang yang dimaksudkan disini ialah kubur adalah lubang tempat mayat ditanam. Berdasarkan konteks peribahasa ini, lubang yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan perkara yang busuk dan secara logiknyanya, mayat dikuburkan bagi mengelakkan bau busuk mencemari bau sekeliling. Namun begitu, mengapakah imej lubang dikaitkan dengan perut dan membawa maksud busuknya hati seseorang. Secara anatominya, perut terdiri daripada usus besar, usus kecil, kelenjar, diafram, pankreas, esofagus, perut, dan duodenum (Hyslop, 1980). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), perut ialah bahagian depan tubuh badan manusia dan di bawah dada. Perut juga merupakan satu daripada bahagian pencernaan manusia yang mencerna makanan dengan menukarkannya kepada cecair. Perut sering kali dikaitkan dengan sifat seseorang kerana perut terletak di tengah badan manusia. Misalnya dalam bahasa Melayu standard, imej "perut" dikonsepsikan sifat yang tidak baik seperti dalam makna simpulan bahasa "tidak berhati perut". Begitu juga dalam konteks simpulan bahasa Melayu Sarawak, perut membawa imej sifat seseorang yang membawa maksud negatif. Imej perut ini dikonsepsikan kepada sikap buruk kerana perut mempunyai gas yang dikenali sebagai hidrogen sulfida (Wallace, 2007). Gas sejenis ini dikatakan jarang dikeluarkan oleh tubuh, tetapi jika sendawa individu tersebut berbau busuk, maka gas ini lah yang dikeluarkan bersama gas-gas lain seperti nitrogen, karbon dioksida, oksigen dan juga gas metana. Dalam hal ini, gas tersebut dirembeskan apabila perut mencerna makanan yang mengandungi makanan yang bersulfur. Malahan, gas ini juga dikeluarkan melalui kentut dan kentut yang berbau adalah perkara normal (Shen et al., 2019).

Analisis pada peringkat ini menunjukkan akal budi masyarakat Melayu memanfaatkan pemahaman kognitif mereka ke dalam peribahasa. Secara logiknya, organ badan seperti organ perut ayam yang telah disembelih meninggalkan bau busuk dan sekiranya dibiarkan kelamaan, bau semakin membusuk. Perkara ini dsandarkan kepada istilah *lubang perut* dalam bahasa Melayu Sarawak. Merujuk kembali peribahasa ini *lubang perut* yang bermaksud busuknya hati seseorang adalah asosiasi daripada keadaan perut manusia berlubang. Sekiranya perut manusia berlubang, gas hidrogen sulfida lebih cepat dikeluarkan melalui lubang tersebut dan menyebabkan pencemaran bau. Malahan, lubang pada perut juga menampakkan organ perut manusia yang berfungsi mencerna makanan dan menukarkannya kepada najis. Najis secara alaminya mempunyai bau dan sekiranya perut berlubang, maka bau tersebut keluar melalui lubang perut. Dengan ini, atas sebab itulah masyarakat Melayu Sarawak mengasosiasikan "lubang perut" kepada makna busuknya hati seseorang.

### Peribahasa *kaki kipas*

Dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu Sarawak, *kaki kipas* bermaksud menyanjung orang yang berjawatan dengan motif mendapat ganjaran ataupun manfaat ke atas diri sendiri. *Kaki kipas* sering kali digunakan dalam konteks tingkat sosial ataupun dalam alam pekerjaan.

<i>Kaki kipas</i>	Menyanjung orang yang berjawatan dengan motif mendapat ganjaran ataupun manfaat ke atas diri sendiri
-------------------	--

### Analisis tahap 1 : Semantik Kata


*Kaki kipas* bermaksud menyanjung orang yang berjawatan dengan motif demi mendapat ganjaran ataupun manfaat ke atas diri sendiri. Peribahasa pada peringkat ini hanya terhenti di sini sahaja dan penerokaan makna masih mempunyai kekaburan.

### Analisis tahap 2 : Semantik Resonans

Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, *kaki* merupakan bahagian dari bahagian paha ke bawah. *Kaki* digunakan untuk berjalan, berlari, menendang dan sebagainya. Manakala, *kipas* menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) ialah alat yang dikibas-kibaskan dan mengadakan angin. Pada peringkat ini, makna yang diterokai masih menyokong huraian maksud daripada analisis pertama. Tetapi, makna yang dicungkil menunjukkan pemahaman kognitif sahaja. Oleh itu, proses pencungkilan makna kognitif peribahasa ini dapat dirumuskan berdasarkan rajah yang berikut:

### Rajah 3

*Proses kognitif bagi peribahasa "kaki kipas"*



Berdasarkan rajah kognitif tersebut, makna dicungkil melalui perkataan sahaja dan makna dari segi konteks penggunaan masih belum tercapai. Walaupun sebegitu, contoh konteks penggunaan dalam kehidupan seharian menjelaskan lagi peribahasa ini tetapi makna yang dicungkil masih dikelaskan pada peringkat kata. Oleh itu, pengaplikasian RRS menyerlahkan lagi penggunaan peribahasa ini dalam konteks dunia sebenar.

Mun agik nge opis nun, nge sini san bos, nge sio san eh. Arum bulak, lom

masuk opis bos, nyo dah nunggu depan pintu.-Lak segalo erito staff disusey eh

ngan bos. Yo eh ditungguh \*\*\***kaki kipas**\*\*\*.

Antiseden pertama dalam RRS tersebut, frasa "sini san bos, nge sio san eh" memberi bayangan kepada makna peribahasa. Tetapi, penjelasan makna melalui antiseden ini masih lagi belum kuat untuk menyerlahkan makna. Antiseden yang kedua pula memberi definisi makna penggunaan peribahasa ini kerana antiseden tersebut menjelaskan ciri kepada olahan si "kaki kipas". Frasa tambahan seperti "lom masuk opis bos, nyo dah nunggu depan pintu" menerangkan lagi kepenggunaan peribahasa ini dalam konteks yang sebenar. Namun begitu, pengaplikasian RRS ini jelas membuktikan makna yang dicungkil dalam konteks pengujaran seharian penutur. Tetapi Nur Hashimah Jalaluddin (2014), mengkategorikan RRS ini sebagai penganalisan pada peringkat harfiah.

### Analisis Relevans

Dalam TR, usaha memproses yang rendah mewujudkan kesan kognitif yang tinggi. Bagi peribahasa *kaki kipas* ini, antiseden pertama *nge sini san bos, nge sio san eh* telah menunjukkan kesan kognitif pembaca bahawa maksud peribahasa ini digunakan dalam konteks pekerjaan iaitu tingkat sosial. Antiseden ini telah menyebabkan kesan kognitif yang tinggi disebabkan perbuatan mengikuti bos merujuk kepada perbuatan mendapat perhatian daripada pihak atasan. Antiseden kedua, *disusey eh ngan bos* telah mengurangkan usaha memproses dalam pemahaman kognitif bagi peribahasa ini kerana maklumat antiseden pertama dengan antiseden kedua sudah cukup menjelaskan konteks sebenar penggunaan peribahasa ini. Sejarar dengan TR, rujukan pembaca yang terhasil daripada antiseden tersebut berdasarkan daripada pengalaman hidup masyarakat dan dikaitkan dengan peribahasa. Oleh itu, makna akal budi belum lagi tercapai pada peringkat ini dan analisis tertinggi, semantik inkuisitif diperlukan untuk mencungkil sehingga menemui akal budi penutur.

### Analisis Tahap 3 : Semantik Inkuisitif

Pada peringkat yang sebelumnya, iaitu semantik skrip dan semantik kata, penganalisan makna yang lebih mendalam mengenai peribahasa ini masih belum mencukupi. Menurut Daud (2020), makna peribahasa pada peringkat sebelumnya masih berada pada tahap harfiah walaupun pencungkilan makna sudah memadai. Tetapi, peringkat semantik inkuisitif membenarkan makna yang dicungkil dikaitkan dengan falsafah dan akal budi penuturnya (Jalaluddin, 2014). Oleh itu, pada tahap ini, penelitian yang dibantu dengan bukti mengukuhkan lagi sebab-sebab pemilihan leksikal di sebalik metafora pemilihan kata dalam peribahasa ini.

Peribahasa ini membawa makna menyanjung orang yang berjawatan dengan motif demi mendapat ganjaran ataupun manfaat ke atas diri sendiri. Persoalannya, kenapa masyarakat Melayu Sarawak mengaitkan imej kaki dengan imej kipas? Jawapan bagi persoalan ini dapat diketahui dengan mengaitkan pemilihan imej kaki dan kipas ini dengan melibatkan falsafah orang Melayu serta melibatkan penerokaan akal budi. Tidak dinafikan lagi, anggota kaki merupakan satu anggota badan manusia yang paling aktif. Secara alaminya, kita sebagai manusia menggunakan kaki untuk berjalan ataupun bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Bagi golongan lelaki pula, kaki amat memainkan peranan penting dalam apa-apa aktiviti mahupun pekerjaan dalam kehidupan seharian. Menurut Kasdan et al, (2021), kaki merupakan satu anggota badan yang paling banyak bergerak. Misalnya, masyarakat lelaki Melayu menggunakan kaki untuk menimang, menyepak dan sebagainya. Dalam hal ini, permainan sepak raga ataupun lebih dikenali sebagai sepak takraw, menggunakan kaki sebagai anggota badan yang utama dalam permainan. Bukan setakat ini sahaja, sekiranya kaki cedera ataupun patah, apa-apa aktiviti ataupun pekerjaan dalam kehidupan tidak dapat dilakukan. Pengkaji mendapati peribahasa yang menggunakan imej kaki ini mendatangkan makna yang negatif. Oleh sebab masyarakat Melayu Sarawak sangat sinonim dengan kepentingan kaki ini, mereka telah menginterpretasikan kaki ke dalam peribahasa "kaki kipas".

Walau bagaimanapun, gabungan imej "kaki kipas" ini menunjukkan makna yang sukar difahami sekiranya makna yang dicungkil tidak menyentuh akal budi penutur. Secara umumnya, kipas merupakan satu peralatan yang mendatangkan angin dan kebiasaannya, kipas digunakan ketika panas dan tidur. Kipas boleh mendatangkan kesejukan dengan mengibas kipas tersebut. Tetapi, kipas pada masa kini, tidak memerlukan individu untuk mengibas sendiri kipas tersebut kerana kipas automatik dan elektrik mudah didapati. Oleh itu, mengapakah masyarakat Melayu Sarawak dahulu menyandarkan imej kipas ke dalam peribahasa ini? Jika dilihat melalui adat, budaya dan cara hidup orang Melayu pada zaman dahulu, mereka bernaung di bawah kekuasaan raja ataupun pembesar-pembesar yang menjalankan pentadbiran di sesebuah kawasan nanungan. Hakikatnya, Sarawak dahulu kala bernaung di bawah pemerintahan kerajaan Brunei. Dalam hal ini, tidak hairanlah pemerintahan di Sarawak mentaati Raja kerana pemerintahan beraja pada zaman dahulu adalah secara mutlak. Menurut Bujang et al, (2022), semasa pemerintahan kesultanan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddin II menitahkan Pengiran Muda Hashim bagi memulihkan keadaan politik dan ekonomi Sarawak pada masa tersebut. Namun, bukan atas sebab ini imej kipas digunakan dalam peribahasa "kaki kipas". Di istana, raja-raja dilayani dengan baik tanpa dibantah sebarang permintaan dan arahannya. Kebiasaannya, golongan wanita yang digelar dayang melayani raja dan menurut segala arahannya di istana. Oleh itu, antara satu pekerjaan yang selalu dilakukan oleh para dayang adalah mengipas raja ketika raja duduk di singgahsana. Dayang-dayang selalunya mengibaskan kipas yang diperbuat daripada bahan yang nipis dan berbentuk hampir menyerupai segi tiga. Malahan, berdasarkan adat dan budaya perkahwinan orang Melayu Sarawak, pengantin yang mengadakan sesi persandingan akan dilayani seperti raja dan sebab itulah pengantin digelar raja sehari. Dalam hal ini, pengantin yang diiringi akan dikipaskan bagi mengelak pengantin daripada kepanasan. Menurut Muhi (2018), adat perkahwinan di Sarawak mempunyai keunikannya tersendiri. Oleh yang demikian, pengkaji mempercayai bahawa atas sebab

inilah masyarakat Melayu menggunakan imej kipas ini. Perkara ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan masyarakat Melayu terserlah melalui penggunaan kata (Bohari, 2020).

Analisis akal budi yang dicungkil pada peringkat ini ialah kaitan pemahaman kognitif kaki manusia yang kuat dan aktif digabungkan dengan kipas yang memberi kesan menyejukkan kepada pengguna. Imej kaki digabungkan dengan imej kipas merupakan satu bukti bahawa masyarakat Melayu Sarawak mempunyai kepintaran yang tersendiri. Apabila imej kaki digandingkan dengan imej kipas, ia merujuk kepada satu perbuatan yang berlebihan ataupun tidak logik kerana kaki tidak dapat menggenggam batang kipas. Dalam hal ini, kaki yang dimaksudkan adalah bahagian yang aktif. Apabila digandingkan dengan kipas, ia merujuk kepada perbuatan mengibas kipas secara laju ataupun terlebih. Perbuatan melebihi-lebih dalam mengibas kipas yang diinterpretasikan sebagai perbuatan menyanjung orang yang berjawatan dengan bermotif demi mendapat ganjaran ataupun manfaat ke atas diri sendiri. Dalam konteks peribahasa, kuat boleh diertikan dengan perbuatan selalu dilakukan, Apabila imej kaki digandingkan dengan imej kipas membawa maksud seseorang yang selalu mengampu, membuat seseorang berasa senang (seperti dikipas-kipas), tersenyum dengan niat untuk mendapatkan apa yang dihajatnya daripada orang yang "dikipasnya" itu. Berdasarkan konteks alami masyarakat Melayu Sarawak, kaki kipas ini sering kali ditunjukkan dan digunakan dalam konteks kerja berpasukan atau bekerja di bawah satu organisasi yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat dahulu mengujarkan sesuatu kata hasil daripada pemerhatian. Menurut Julaini dan Jalaluddin (2018), sejak dahulu lagi masyarakat alam Melayu terkenal dengan pemerhatian yang tajam.

### Ubun-ubun agik licak

#### Jadual 3

*Data ubun-ubun agik licak*

Ubun-ubun agik licak merujuk kepada masih muda atau kecil dan belum dewasa.

<i>Ubun-ubun lagik licak</i>	Masih muda atau kecil dan belum dewasa
------------------------------	--

#### Analisis tahap 1: Semantik skrip


Makna permukaan bagi peribahasa Melayu Sarawak *ubun-ubun lagik licak* adalah masih muda atau kecil dan belum dewasa (Jaafar, 2017). Pengertian makna peribahasa ini terhenti pada peringkat permukaan sahaja dan tidak mempunyai bantuan berasaskan teori yang mampu membantunya. Oleh hal yang demikian, analisis peringkat ini hanya merujuk kepada maksud langsung dan tidak mempunyai huraian makna peribahasa yang lebih mendalam. Oleh itu, peringkat seterusnya akan membantupengkaji untuk mendalami makna sebenar sehingga menyentuh akal budi.

#### Analisis tahap 2: Semantik Resonans

Pada peringkat ini, makna peribahasa yang dicungkil mengalami penambahbaikan. Walaupun begitu, makna yang telah dicungkil masih berada pada tahap permukaan sahaja. Oleh itu, peribahasa ini dikelaskan kepada domain hal kehidupan dan masyarakat Melayu Sarawak dahulu kala mengabstraksikan peribahasa ini sebagai makna perbuatan ataupun keadaan yang masih muda berasaskan anggota badan yang terdapat pada badan bayi. Hal ini dapat diketengahkan lagi pada rajah tersebut;

#### Rajah 4

Proses kognitif bagi "peribahasa ubun-ubun agik licak"



Berdasarkan rajah tersebut, jika diperhatikan dan diteliti secara kognitif, peribahasa ini sememangnya menekankan maksud yang dibawa oleh ubun-ubun itu sendiri yang hanya terdapat pada bahagian badan bayi. Ubun-ubun ini merupakan bahagian anggota badan bayi yang lembut dan sensitif. Oleh itu, penggunaan peribahasa ini dapat disokong melalui data korpus seperti yang di bawah berdasarkan penerapan analisis RSS.

**Analisis RRS**

Disuruh nyusun kerusi, kerusi yo gik dimain kedak sikpande nak tuo  
agik kali. \*\*\*Ubun-ubun eh agik licak\*\*\* kali yo eh kedak nemiak.  
 Biasalah, nembiak nāng kēdāk yō, sīk n̄gēkōt̄ nāk dīpādāh ūrāng.

Merujuk kepada *frasa sikpande nak tuo agik kali*, membawa makna sebahagian daripada peribahasa ubun-ubun agik licak. Manakala frasa *nembiak nang kedak yo* menerangkan sebahagian lagi makna peribahasa tersebut. Walaupun kupasan makna ini telah membawa makna penggunaan peribahasa tersebut, tetapi masih berada pada tahap permukaan sahaja dan kenapakah ubun-ubun dikemukakan dalam peribahasa ini serta hajat sebenar penggunaannya masih belum terjawab.

**Analisis relevans**

Berdasarkan rajah RRS, keupayaan kognitif dalam antiseden menyerlahkan kesan kognitif terhadap peribahasa ini. Antiseden pertama, *sikpande nak tuo agik kali* menyerlahkan maksud *ubun-ubun agik licak* yang bermaksud masih muda atau belum baligh. Dalam analisis TR, pembaca boleh mencari makna harfiah peribahasa ini sebagai langkah pertama dengan bekalan konteks yang disediakan oleh analisis RRS. Makna ini telah dinyatakan dalam analisis pertama iaitu pembaca mendapatkan makna berdasarkan kamus atau apa-apa rujukan yang menyediakan makna permukaan kepada pembaca. Hal ini mewujudkan konteks dan konteks merupakan set andaian yang terhasil membantu pembaca mentafsirkan makna. Andaian *seperti sikpande nak tuo* membenarkan kita mewujudkan andaian-andaian yang lain seperti belum baligh, kanak-kanak, pemikiran yang tidak matang dan berumur 12

tahun ke bawah akan membantu pembaca menginterpretasi makna. Pada peringkat ini, konteks yang terhasil adalah sangat tinggi dan pembaca tidak memerlukan usaha yang berlebihan untuk mendapatkan makna peribahasa ini. Perkara ini sejajar dengan analisis TR, bahawa pembaca tidak memerlukan usaha yang berlebihan untuk mendapatkan kesan kognitif yang tinggi. Walau bagaimanapun, peringkat akal budi belum lagi tercapai pada peringkat ini kerana peringkat ini belum lagi menyerlahkan tahap konkrit.

### **Analisis tahap 3: Semantik inkuisitif**

Pada peringkat ini, makna sebenar penggunaan peribahasa "ubun-ubun agik licak" dicungkil sehingga menjawab persoalan-persoalan yang timbul. Menurut Daud (2020), analisis pada peringkat ini tidak terhenti pada tahap kognitif sahaja dan persoalan yang mungkin terjadi hendaklah dijawab. Mengapakah masyarakat Melayu Sarawak dahulu mengaitkan imej perlambangan ubun-ubun dan sifat licak ataupun keadaan fizikal yang lembut dalam Melayu standard. Oleh itu, pengkaji mengelaskan peribahasa ini kepada domain hal kehidupan kerana maksud peribahasa tersebut iaitu masih muda menunjukkan perkara yang umum dan boleh digunakan dalam pelbagai keadaan. Masyarakat Melayu sejak dahulu lagi merupakan masyarakat yang tajam dari segi pemerhatian. Hal ini termasuklah pemerhatian dari sudut fizikal seperti anggota badan yang boleh dilihat terus daripada pancaindera manusia.

*Ubun-ubun* merupakan salah satu bahagian manusia yang hanya boleh dilihat, didapati dan dipegang ataupun dirasai pada bahagian kepala bayi ataupun kanak-kanak yang masih kecil. *Ubun-ubun* ataupun digelar *fontanel* secara saintifiknya merupakan salah satu anggota badan yang terletak di bahagian tengkorak dan agak lembut jika dipegang. Ubun-ubun ini kebiasaannya terletak di atas dahi di bahagian kepala dan ada sesetengahnya berada hampir ke tengah bahagian kepala. Ubun-ubun ini ialah anggota badan bayi yang sangat sensitif dan keadaan fizikalnya boleh membawa makna-makna yang tertentu pada bayi tersebut (Adila et al., 2019). Tetapi dalam hal ini, sebab musabab ubun-ubun digunakan dalam peribahasa masih menjadi persoalan. Secara alaminya, kewujudan manusia bermula daripada peringkat bayi lagi selepas dilahirkan ke dunia ini. Oleh itu, setiap insan yang wujud di dunia ini pernah menjadi seorang bayi mahupun kanak-kanak kerana kitaran hidup sebagai bayi itu ialah satu kejadian semula jadi. Belum ada lagi manusia yang terus lahir menjadi dewasa di dunia ini dan perkara ini adalah ialah fakta yang tidak boleh dicanggah kebenarannya. Dahulu kala, kedatangan ajaran Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak tidak dapat dinafikan lagi kerana pejuang-pejuang yang bermati-matian demi mempertahankan Sarawak seperti Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi yang turut membantu penyebaran Islam di negeri Sarawak. Oleh yang demikian, perkara ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu Sarawak sejak dahulu lagi telah menerima ajaran Islam. Di dalam al-Quran, surah Al Mu'minun ayat 12 – 14 ataupun secara umumnya merujuk kepada kepercayaan ajaran Islam, kemenjadian bayi itu bermula daripada nutfah ataupun tanah seperti yang disebut dalam al-Quran sehinggalah menjadi bayi (Muhamad et al., 2015). Bukti inilah menunjukkan bahawa konsep bayi sering kali dituturkan dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak dahulu kala disebabkan masyarakat Melayu Sarawak sememangnya tidak akan pernah lari daripada kehidupan sebagai bayi ataupun di kelilingi bayi. Disebabkan ajaran Islam ataupun kepercayaan mahupun pegangan terhadap al-Quran itu telah lama menjadi pedoman hidup masyarakat Melayu Sarawak, tidak hairanlah kejadian bayi menurut Islam ini turut dituturkan dalam kehidupan sehari-harian mereka.

Ubun-ubun ialah satu bahagian ataupun anggota badan yang sering kali diberikan tumpuan dan penjagaan ketika masih bayi. Kebiasaannya bayi yang lahir ke dunia ini mempunyai ubun-ubun dan ubun-ubun tersebut adalah lembut dan tidak seperti bahagian tengkorak yang lain yakni keras. Oleh itu, para ibu yang baru sahaja melahirkan bayi sememangnya akan menjaga bayi dan mengetahui keadaan kesihatan bayi tersebut berdasarkan keadaan ubun-ubun. Misalnya, ubun-ubun yang

membesar ataupun dikatakan "*ubun angkat*" boleh membawa maksud bahawa bayi tersebut mengalami sakit perut, ataupun kemasukan angin ke dalam badan. *Ubun-ubun* juga akan berubah seperti semakin mengeras ataupun semakin *licak* (lembut atau lembik) berdasarkan keadaan fizikal atau kesihatan bayi. Oleh itu, bagi masyarakat Melayu Sarawak, bayi yang menunjukkan tanda-tanda ubun seperti yang tersebut kebiasaannya diletakkan sirih ataupun disapukan minyak khas mahupun minyak angin bayi bagi meredakan keadaan ubun-ubun tersebut. Oleh itu, kebiasaan amalan inilah yang menguatkan lagi sebab penggunaan ubun-ubun dalam peribahasa Melayu Sarawak. Menurut Jalaluddin (2014), masyarakat Melayu memanfaatkan kehidupan dan alam sekeliling mereka untuk menggunakan ubun-ubun dalam peribahasa mereka tersendiri. Oleh itu, keadaan *ubun-ubun* yang *licak* dan hanya terdapat pada bayi menjelaskan makna masih muda seperti yang diutarakan dalam peribahasa tersebut. Hal ini menjelaskan bahawa, *ubun-ubun* ini tidak terdapat pada bahagian atau anggota badan orang dewasa dan perkara inilah yang melibatkan akal budi penutur masyarakat Melayu Sarawak mengenai peribahasa *ubun-ubun lagik licak* membawa makna masih muda serta peribahasa ini sering kali digunakan bagi menyifatkan individu yang masih berada di bawah umur dalam komunikasi sehari-harian masyarakat Melayu Sarawak. Dalam hal ini, penjagaan ubun-ubun bayi ini diinterpretasikan dalam komunikasi seharian masyarakat Melayu Sarawak dan dimanfaatkan juga ke dalam penggunaan peribahasa.

### Kesimpulan

Kajian ini mengetengahkan peribahasa Melayu Sarawak yang mempunyai variasi dan keunikan tersendiri sehingga terciptanya tajuk Imej Perlambangan Anggota Badan dalam Peribahasa Melayu Sarawak: Analisis Semantik Inkuisitif. Kajian ini menemui imej yang digunakan dalam peribahasa merupakan asosiasi daripada keadaan sekeliling masyarakat Melayu Sarawak sama ada dipengaruhi faktor sejarah, politik, ekonomi, cara hidup, pegangan agama dan kebudayaan. Imej yang digunakan mempunyai kerelevanan seperti imej "perut" dalam peribahasa "lubang perut" yang bermaksud busuknya hati seseorang. Dalam hal ini, perut yang berlubang akan menyebabkan pembocoran gas hidrogen sulfida yang mengandungi bau yang busuk. Atas sebab ini lah masyarakat Melayu Sarawak menyandarkan peribahasa "lubang perut" kepada maksud busuknya hati seseorang. Kajian ini sangat penting kerana kajian mengenai peribahasa Melayu Sarawak khususnya berfokus tentang imej anggota badan masih lagi kurang mendapat perhatian dalam kalangan para pengkaji linguistik. Terdapat kajian yang menyentuh imej anggota oleh Jonteng et al., (2021), tetapi hanya memberi fokus imej tangan sahaja dalam simpulan bahasa Melayu. Kajian mengenai peribahasa Melayu Sarawak dalam bidang semantik masih berkurangan, dan atas perihal ini pengkaji memilih peribahasa Melayu Sarawak sebagai fokus kajian ini. Sememangnya, terdapat kajian terhadap peribahasa Melayu Sarawak seperti kajian Muhi (2018, 2021), tetapi kajian yang dilakukan hanya menyentuh tahap kreatif dan kepintaran masyarakat Melayu Sarawak dalam berbahasa. Oleh itu, pengkaji menganalisis peribahasa Melayu Sarawak melalui pendekatan semantik inkuisitif dengan memberi fokus kepada imej anggota badan kerana imej anggota badan masih dalam peribahasa masih kurang dijalankan khususnya dalam bidang semantik.

Bagi pengkaji, kajian ini adalah pembuka langkah kepada kajian yang akan datang khususnya dalam mengkaji bahasa Melayu Sarawak yang mempunyai imej sendiri supaya pengkaji tidak takut untuk meneruskan kajian bahasa Melayu Sarawak dalam bidang semantik kelak. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji hanya memberi fokus kepada imej perlambangan anggota badan dalam peribahasa bagi menjayakan objektif kajian ini. Seperti yang telah dimaksudkan, pengkaji akan datang boleh memberi fokus kepada konteks bahasa Melayu Sarawak yang lain dari sudut pantang larang, perbezaan imej peribahasa seperti kaki kerana imej kaki boleh membawa makna positif dan negatif, serta memberi fokus kepada domain-domain peribahasa Melayu Sarawak dari segi hal-hal kehidupan,



domain rezeki, domain nasib dan sebagainya. Perihal ini boleh dijadikan sebagai salah satu kelompangan kajian yang mampu ditutupi oleh pengkaji akan datang. Dalam hal ini, pengkaji berharap agar peribahasa Melayu Sarawak boleh diketengahkan dalam bidang semantik inkuisitif bagi meneroka makna sebenar masyarakat dahulu sewaktu mengujarkan sesebuah kata.

### Rujukan

- Adila, D. R., & Niriayah, S. (2019). Tersedak Pada Bayi Pengalaman Ibu Dalam Penanganan Tersedak Pada Bayi. *Al-Asalmiya Nursing: Journal of Nursing Sciences*, 8(2), 89-95.
- Ahmad (Za'ba), A. Z. (1965). Ilmu mengarang Melayu Ahmad, H. (2001).
- Apriyanto, M., Mardesci, H., Afiza, Y., Ninsix, R., Riono, Y., & Novitasari, R. (2021). Pelatihan Teknis Penanaman Padi Bagi Penyuluh Pertanian. *J-ABDI: Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, 1(2), 73-80.
- Asmah Haji Omar. (2004). Languages of Sarawak: In The encyclopedia of Malaysia. *Kuala Lumpur: Archipelago Press. Volume 9*. 34-35
- BAHARUDIN (2019). Interaksi Mualaf India Dengan Keluarga Bukan Islam Berkaitan Upacara Penguburan Jenazah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 4(2), 1-10.
- Bujang, S., Kadir, A. R. A., Yusuf, N., Hamrie, F., & Yon, W. A. W. (2022). Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam Pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak: The History and Development of Islamic Administration in the Era of Brooke's Governance in Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53-70.
- Daud, M. Z. (2018). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018). Imej tumbuhan dalam slanga: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1, 1-21.
- Daud, M. Z. (2019). Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24- 44.
- Fauzi, M. R. R., Cahyani, I., & Kosasih, E. (2020). Penggunaan nama anggota tubuh dalam peribahasa Sunda dan padanannya dalam peribahasa Indonesia. In *Seminar Internasional Riksa Bahasa* (pp. 193-200).
- Hamilton A.W. (1947). *Malay proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Hamzah, Z. A. Z., & Hassan, A. F. M. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3).
- Ho, W. S., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa Kiasan dalam Lagu "Mati Hidup Semula": Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.

- Hyslop, E. J. (1980). Stomach contents analysis—a review of methods and their application. *Journal of fish biology*, 17(4), 411-429.
- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej Perlambangan 'Tangan'dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Junaidi, N. H., & Awang Abdullah, A. M. (2014). Puisi tradisi Melayu Sarawak: Asimilasi agama dan kepercayaan dalam amalan budaya masyarakat.
- Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *international Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.
- Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Ismail, W. N. W. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Kempson, R. (1986). Ambiguity and the semantics-pragmatics distinction.
- Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2019). Metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia (Kajian semantik kognitif). *BELAJAR BAHASA: Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(1), 68-81.
- Ho, W. S., & Jalaluddin, N. H. (2019). Bahasa Kiasan dalam Lagu " Mati Hidup Semula": Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 231-258.
- Hyslop, E. J. (1980). Stomach contents analysis—a review of methods and their application. *Journal of fish biology*, 17(4), 411-429.
- Jonteng, S. E., Yahya, Y., Salleh, S. F., Abdullah, N. A., & Subet, M. F. (2021). Imej Perlambangan 'Tangan'dalam Simpulan Bahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 108-131.
- Junaidi, N. H., & Awang Abdullah, A. M. (2014). Puisi tradisi Melayu Sarawak: Asimilasi agama dan kepercayaan dalam amalan budaya masyarakat.
- Kasdan, J., & Nopiah, J. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *international Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(1), 59-72.
- Kasdan, J., Jalaluddin, N. H., & Ismail, W. N. W. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Kinanti, K. P., & Rachman, A. K. (2019). Metafora tumbuhan dalam peribahasa Indonesia (Kajian semantik kognitif). *BELAJAR BAHASA: Jurnal Ilmiah Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 4(1), 68-81.
- Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.

- Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 311-334. <https://doi:10.17576/jkmjc2016-3201-15>
- Muhamad, N. H. N., Abu, F., Tonggak, B., Aminudin, N. I., & Ghani, F. A. (2015). *Kejuruteraan Genetik Menurut Perspektif Islam*. Sains Humanika, 4(2).
- Muhi, A. P. A. (2018). Akal Budi dalam peribahasa Melayu Sarawak: Akal Budi in Sarawak Malay proverbs. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 28-41.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1).
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Shen, F., Zhao, C. S., Shen, M. F., Wang, Z., & Chen, G. (2019). The role of hydrogen sulfide in gastric mucosal damage. *Medical Gas Research*, 9(2), 88.
- Subet, F. (2010). Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu analisis teori relevans. *Unpublished doctoral dissertation*). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Junaidi Tuanku Jaafar. (2017). *Kosa kata dan peribahasa Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Walker, J. H. (2005). Hikayat Panglima Nikosa and the Sarawak Gazette: Transforming Texts in Nineteenth Century Sarawak. *Modern Asian Studies*, 39(2), 427-460.
- Wallace, J. L. (2007). Hydrogen sulfide-releasing anti-inflammatory drugs. *Trends in pharmacological sciences*, 28(10), 501-505.
- Wibowo, D. S. (2008). *Anatomi tubuh manusia*. Grasindo.
- Wilkinson, R. J. (1907). *Papers on Malay subject 1: Malay literature*. Federated Malay States, Government Press.